

Kelas Menengah di Malaysia: Definisi dan Peranannya ke Arah Kestabilan Sosio Politik di Malaysia

Middle Class in Malaysia: Definition and its Role Towards Socio-Political Stability in Malaysia

Nurul Ilma Sofyan^{1*} & Norazlan Hadi Yaacob

Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Email: nurulilmasofyan@gmail.com

Diterima: 03 Sept 2024; **Disemak semula:** 29 April 2025 **Diterima:** 06 Mei 2025; **Diterbitkan:** 04 Julai 2025

To cite this article (APA): Sofyan, N. I., & Yaacob, N. H. (2025). Kelas Menengah di Malaysia: Definisi dan Peranannya ke Arah Kestabilan Sosio Politik di Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 17(2), 62-74. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.2.5.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.2.5.2025>

Abstrak

Kelas menengah di Malaysia merujuk kepada kumpulan sosial yang berada pada kedudukan pertengahan dalam struktur masyarakat, yang biasanya ditandai dengan tahap pendidikan yang tinggi, kestabilan ekonomi dan pekerjaan profesional. Golongan kelas menengah merupakan elemen penting bagi kestabilan sesebuah negara kerana mereka berupaya membuat perubahan signifikan dalam masyarakat disebabkan oleh faktor pendidikan dan kerjaya mereka yang stabil. Artikel ini menganalisis perkembangan dan peranan utama kelas menengah dalam menyumbang kepada kestabilan politik di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen secara sistematik terhadap sumber sekunder seperti buku ilmiah, jurnal dan akhbar. Analisis ini menelusuri transformasi kelas menengah sejak pasca-kemerdekaan serta implikasinya terhadap struktur dan kestabilan politik negara. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kelas menengah, yang dikenali sebagai golongan berpendidikan berperanan sebagai agen perubahan dalam arena sosio-politik Malaysia. Golongan ini berupaya mempengaruhi dasar awam serta memberi tekanan ke arah reformasi politik menerusi penyertaan aktif dan kesedaran sivik yang tinggi. Perkembangan kelas menengah telah memberi impak signifikan terhadap landskap politik negaram khususnya dalam memperjuangkan nilai-nilai demokrasi dan keadilan sosial. Implikasi kajian memperlihatkan perkembangan kelas menengah telah membawa impak yang signifikan terhadap landskap politik negara. Mereka bahawa keterlibatan aktif kelas menengah mampu menjadi pemangkin kepada sistem politik yang lebih progresif dan responsif terhadap kehendak rakyat.

Kata Kunci: Kelas menengah, kestabilan politik, kenegaraan, politik Malaysia

Abstract

The middle class in Malaysia refers to a social group positioned in the middle of the societal structure, typically characterized by higher education, economic stability and professional occupations. This group plays a vital role in national stability, as their educational background and secure careers enable them to influence meaningful change in society. This article analyzes the development and key role of the middle class in contributing to political stability in Malaysia. A qualitative approach is used, involving systematic document analysis secondary sources such as academic books, journals, and newspapers. The study traces the transformation of the middle class from the post-independence era to the present, and its impact on Malaysia's political landscape. The findings show that the middle class, often consisting of educated individuals, acts as an agent of change within the country's socio-political sphere, they are capable of influencing public and pushing for political reform through active participation and strong civic awareness. The rise of the middle class has had a significant effect on Malaysia's political environment, especially in advocacy for democratic values, social justice, and government

accountability. The study implies that the active involvement of middle class has the potential to drive a more progressive and responsive political system.

Keywords: *Middle class, political stability, nationhood, Malaysian politics*

PENGENALAN

Kelas menengah di Malaysia merujuk kepada golongan penduduk yang memiliki pendapatan sederhana hingga menengah, serta gaya hidup yang selesa seperti mempunyai pendidikan yang baik, kemudahan kesihatan, perumahan stabil, sekaligus keupayaan untuk berbelanja bagi keperluan dan kehendak asas. Mereka biasanya mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, pendidikan dan perubatan serta memiliki sedikit kelebihan untuk menikmati gaya hidup yang lebih selesa berbanding dengan golongan bawah (Kuznetsova & Tupitsyn, 2014; Krisna & Wongkaren, 2018). Kelas menengah juga sering dikaitkan dengan profesional, pengusaha kecil dan pekerja berkemahiran yang memainkan peranan penting dalam ekonomi negara (Kochhar & Sechopoulos, 2022). Takrifan kelas menengah berbeza mengikut pandangan pelbagai sarjana. Misalnya, Karl Marx, kelas menengah di Malaysia merujuk kepada golongan penduduk yang memiliki pendapatan sederhana dan menengah serta gaya hidup yang selesa. Mereka biasanya mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, pendidikan dan perubatan serta memiliki sedikit kelebihan untuk menikmati gaya hidup yang lebih selesa berbanding dengan golongan bawah (Krisna & Wongkaren, 2018; Kuznetsova & Tupitsyn, 2014). Kelas menengah juga sering dikaitkan dengan profesional, pengusaha kecil dan pekerja berkemahiran yang memainkan peranan penting dalam ekonomi negara (Muhammad Kambali, 2020; Hendriwani, 2022). Dari sisi lain, Max Weber, sarjana sosiologi dari Jerman, memandang kelas menengah melalui lensa analisis yang berbeza. Baginya, kelas menengah adalah golongan yang memiliki kesejahteraan ekonomi yang stabil, status sosial yang dihormati dan memiliki kekuatan politik yang signifikan (Diehl, 1923; Thomas, 1998). Weber juga menekankan pentingnya pendidikan dan keterampilan profesional dalam menentukan kedudukan dalam kelas menengah (Wiardja & Cunningham, 2021). Kedua-dua pandangan ini memperlihatkan perbezaan dalam pendekatan terhadap definisi kelas menengah, iaitu Marx lebih menekankan aspek ekonomi dan struktural, manakala Weber memberi tumpuan kepada status sosial dan kuasa politik.

Di Malaysia, terdapat pelbagai pandangan mengenai maksud dan definisi kelas menengah. Salah satu tokoh yang melihat dari sudut pendapatan ekonomi ialah Kamal Salih (2016) yang mendefinisikan kelas menengah sebagai golongan yang mempunyai pendapatan bulanan antara RM4,000 hingga RM10,000 bagi individu tunggal dan RM8,000 hingga RM20,000 bagi isi rumah tangga. Manakala, menurut kajian Yusfida Ayu et al. (2021) mendefinisikan kumpulan menengah adalah mereka yang berpendapatan bulanan dalam lingkungan RM2,300 hingga RM10,959. Definisi ini menunjukkan bahawa dalam konteks Malaysia, kelas menengah dianggap sebagai golongan yang mempunyai pendapatan sederhana hingga tinggi dan membolehkan mereka untuk menikmati taraf hidup yang selesa dan akses kepada pelbagai perkhidmatan dan produk. Di peringkat kerajaan, terdapat beberapa pandangan berkaitan pendapatan kelas menengah, misalnya kerajaan merumuskan bahawa julat pendapatan kelas menengah di Malaysia ialah antara RM5,250 hingga RM11,819 (Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Namun, penting untuk diingatkan bahawa definisi kelas menengah adalah berbeza bergantung kepada parameter yang digunakan seperti pendapatan, status sosial dan kestabilan ekonomi. Yap Beng (1989) mendefinisikan kelas menengah sebagai kelas yang terletak di tengah-tengah susun lapis masyarakat iaitu antara golongan atasan (pemerintah) dengan golongan bawahan (yang diperintah). Pengelompokkan kelas ini diukur dari segi punca pendapatan yang dinikmati dan juga latar belakang pendidikan yang diterima dan bukan berdasarkan darjat keturunan atau pangkat. Ukuran dari segi punca pendapatan adalah sesuatu yang biasa sebelum ini bagi menentukan kelasnya dalam masyarakat, tetapi berdasarkan pendidikan yang diterima adalah merupakan satu ukuran yang baru dan ia tepat digunakan sebagai ukuran pengelasan kelas menengah Melayu ini (Yap Beng, 1989). Menurut Rahimah (2012) melihat kelas menengah sebagai golongan yang mempunyai akses kepada pendapatan sederhana hingga tinggi, pendidikan yang baik dan

keupayaan untuk mengakses pelbagai perkhidmatan sosial dan kebudayaan. Definisi ini menegaskan pentingnya akses kepada pendidikan dan perkhidmatan sosial dalam menentukan kelas menengah serta pengakuan terhadap peranan mereka dalam transformasi sosial dan pembangunan di Malaysia.

Selain itu, dari perspektif politik, pengkaji sosio-politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia, iaitu Shamsul Amri melihat kelas menengah sebagai golongan yang memiliki pendapatan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas, seperti makanan, tempat tinggal dan pendidikan serta memiliki kemampuan untuk membeli barang-barang pengguna tambahan. Mereka juga cenderung memiliki akses kepada pendidikan yang lebih tinggi, mempunyai pekerjaan yang stabil, seterusnya hidup dalam lingkungan yang lebih selamat dan selesa. Kelas menengah juga dilihat sebagai golongan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara (Shamsul Amri, 1993). Shamsul Amri menjelaskan bahawa kelas menengah bukan hanya memainkan peranan dalam aspek ekonomi dan politik, tetapi juga dalam aspek budaya dan identiti, dengan pengaruh mereka terhadap trend dan gaya hidup yang mempengaruhi keseluruhan masyarakat Malaysia. Sementara itu, menurut pandangan seorang ahli ekonomi terkenal, kelas menengah dilihat sebagai golongan yang mempunyai peranan penting dalam pembangunan negara (Jomo, 1999). Jomo menekankan bahawa kelas menengah berpotensi menjadi pendorong pertumbuhan ekonomi melalui pembelian domestik yang stabil, serta sumbangan mereka terhadap inovasi dan keusahawanan. Selain itu, beliau juga menekankan kepentingan kelas menengah dalam konteks ekonomi negara, dengan penekanan pada kemampuan mereka untuk memberikan sumbangan yang signifikan kepada pertumbuhan dan kestabilan ekonomi Malaysia.

Abdul Rahman Embong (2002), mentakrifkan kelas menengah sebagai kumpulan sosio-ekonomi yang berada di antara kelas atasan dan kelas pekerja iaitu yang biasanya dicirikan oleh pendapatan sederhana hingga tinggi, jawatan berstatus tinggi serta pendidikan dan kesihatan. Golongan ini juga memegang nilai pendidikan, mobiliti sosial dan keupayaan menikmati gaya hidup yang stabil. Namun, definisi ini boleh berubah mengikut konteks negara, tahap pendidikan, dan gaya hidup. Selari dengan itu, kelas menengah dilihat sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi dan perubahan sosial negara.

Kelas menengah telah menjadi semakin signifikan dalam konteks politik Malaysia, terutamanya dalam mempengaruhi dasar-dasar kerajaan dan arah tuju politik negara. Golongan ini memainkan peranan penting dalam menentukan keputusan politik melalui pilihan raya, malah memberi kesan kepada dinamika sosial dan ekonomi negara. Namun begitu, pemahaman mendalam tentang bagaimana perkembangan dan perubahan dalam kelas menengah mempengaruhi kestabilan politik masih kurang diberikan perhatian. Hal ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana kelas menengah dalam memastikan kestabilan politik negara. Tambahan pula, golongan kelas menengah sering dianggap sebagai elemen penting dalam menjamin kestabilan sesebuah negara kerana kemampuan mereka untuk melaksanakan perubahan sosial melalui penglibatan aktif, tahap pendidikan yang tinggi, serta kerjaya yang stabil. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji perkembangan kelas menengah di Malaysia dari sudut definisi serta meneliti peranan yang dimainkan oleh kelas menengah dalam menyumbang kepada kestabilan politik negara.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kelas Menengah di Malaysia

Kajian mengenai kelas menengah di Malaysia, secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama adalah kajian khusus mengenai kelas menengah daripada golongan pentadbir yang merangkumi asal usul, pertumbuhan dan kedudukan sosial serta peranan dan sumbangan mereka pada zaman penjajah. Perkara ini, termasuklah perbincangan mengenai peranan dan pemikiran mereka selepas merdeka pada 1957 serta perubahan gaya hidup mereka. Kajian peringkat kedua pula adalah kajian mengenai perubahan struktur sosial masyarakat Malaysia kesan daripada perkembangan perindustrian dan pertumbuhan ekonomi negara yang seterusnya membawa kepada transformasi sosial

dan pertumbuhan kelas menengah, khususnya 'kelas menengah baharu' (Abdul Rahman Embong, 2016). Di samping itu, kajian di peringkat ini turut mengetengahkan perbincangan mengenai peranan negara dalam pembentukan kelas menengah, pertumbuhan dan pengembangan kelas menengah, kedudukan etnik, kesedaran kelas, politik dan budaya. Termasuk juga dalam peringkat ini ialah kesan perpaduan nasional dan demokrasi negara terhadap kelas menengah dan perbincangan mengenai konsep serta teori kelas. Perbincangan awal mengenai kelas menengah di Malaysia dilakukan oleh pengkaji-pengkaji seperti Syed Husin (1964); Nordin (1976); Jomo (1986).

Kajian Syed Husin (1964) menekankan bahawa kelas menengah Malaysia terbentuk daripada tiga bidang utama iaitu pengurusan, profesional dan perniagaan. Walaupun bidang pengurusan lebih cenderung diikuti oleh orang Melayu, namun orang bukan Melayu juga turut aktif terlibat terutamanya dalam kerja-kerja teknikal, perubatan dan perkhidmatan pendidikan. Sementara itu, dalam bidang profesional, majoriti adalah orang bukan Melayu. Bidang perniagaan juga didominasi oleh orang bukan Melayu, walaupun kerajaan telah melaksanakan dasar-dasar yang menggalakkan penyertaan masyarakat Melayu dalam bidang ini. Menurut Syed Hussain juga, kebanyakan golongan kelas menengah berkongsi cara hidup yang serupa. Manakala Jomo (1986) menggunakan pendekatan sejarah bagi menganalisis dan menjelaskan pembentukan kelas di Semenanjung Malaysia pada zaman penjajahan dan selepas merdeka. Pada masa yang sama, kelas ditentukan oleh hubungan dalam pengeluaran sosial. Pertentangan dan percanggahan kelas dalam proses pengeluaran perlu diambilkira bagi memahami pembentukan kelas sosial di Malaysia. Kelas tidak hanya ditakrifkan berdasarkan aspek ekonomi sahaja, bahkan aspek politik dan ideologi. Beliau juga menyatakan bahawa telah muncul dua kelas sosial sebelum penjajahan, iaitu kelas pemerintah dan kelas yang diperintah. Di antara kedua-dua kelas ini terbentuk pula satu kelas yang dikenali sebagai 'kelas menengah' yang terdiri daripada golongan pentadbir dan pengurus, pekerja iktisas dan pekerja teknikal. Jomo merujuk golongan ini sebagai borjuis kecil yang baru muncul di tengah-tengah masyarakat pada ketika itu. Golongan borjuis kecil yang dikenali sebagai pentadbir-pembesar (*administrat*) muncul sebagai kelompok pemerintah yang menjadi pengantara di antara pemodal asing dan tempatan, lapisan atas dalam masyarakat tani, borjuis kecil luar bandar serta kelas pekerja.

Terence (2006) meneroka pembinaan kelas menengah Melayu Malaysia dengan meneliti sejarah, kompleksiti dan masa depan Melayu Baru. Melalui analisis yang teliti, kajian ini menggariskan perkembangan kelas menengah Melayu dalam konteks sejarah dengan meneliti perubahan sosio-ekonomi yang berlaku dalam masyarakat Melayu. Perubahan seperti peningkatan pendidikan, peluang pekerjaan dan pelaksanaan dasar kerajaan telah mendorong kemunculan golongan ini. Perkembangan tersebut seterusnya membentuk identiti dan kedudukan kelas menengah Melayu sebagai kumpulan yang semakin berpengaruh dalam kehidupan sosial mahupun ekonomi negara. Kajian ini juga meneroka isu-isu seperti perubahan budaya, politik identiti dan peranan kelas menengah Melayu dalam pembangunan sosial dan ekonomi Malaysia. Hasil kajian ini memberikan pandangan mendalam tentang dinamika kelas menengah Melayu Malaysia dan memberikan wawasan penting tentang cabaran dan peluang yang dihadapi oleh golongan ini dalam konteks negara yang semakin kompleks dan berubah. Terdapat juga kajian yang memfokuskan kepada kelas menengah muslim seperti kajian Wan Kamal & Allawati (2012), diikuti oleh Allawati (2014) menekankan penglibatan masyarakat kelas menengah, terutamanya golongan Muslim, dalam aktiviti ekonomi dan politik di Malaysia. Mereka menyatakan bahawa penglibatan ini merupakan faktor penting yang memacu kemajuan ekonomi negara. Kedua-dua kajian meneliti perkembangan kelas menengah Melayu sejak zaman penjajahan British, yang semakin pesat selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1971. Kajian ini menggariskan keadaan kelas menengah Melayu memainkan peranan penting dalam sektor ekonomi moden seperti pekerjaan terpilih, perindustrian, keusahawanan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, kekuatan ekonomi yang mereka miliki juga memberi kesan terhadap kecenderungan mereka terhadap ekstremisme. Keseluruhannya, peranan kelas menengah, terutamanya kelas menengah Melayu, memainkan peranan penting dalam menggerakkan ekonomi negara dan menentukan kestabilan Malaysia.

Hairol Anuar et al. (2016) juga menjalankan kajian yang memfokuskan dari segi ekonomi. Dalam kajian ini memperihalkan perubahan nilai-nilai dalam kalangan kelas menengah Malaysia selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Kajian ini meneliti bagaimana DEB telah

mempengaruhi pemikiran dan orientasi nilai kelas menengah terhadap pembangunan ekonomi dan sosial negara. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa walaupun DEB telah memberi pelbagai peluang kepada kelas menengah, terdapat juga perubahan dalam nilai-nilai tradisional seperti sikap kerja keras, kepatuhan kepada autoriti dan keberagamaan. Kesimpulannya, kajian ini memberikan pandangan yang mendalam mengenai impak DEB terhadap perkembangan kelas menengah Malaysia dalam konteks nilai-nilai sosioekonomi pasca DEB. Selain itu, terdapat juga lagi kajian yang memfokuskan dari sudut keagamaan. Antara pengkaji tersebut ialah Azalina (2012) & Ruhaizah (2019). Kedua-dua kajian ini mempunyai persamaan dari segi fokus kajian iaitu ingin melihat dari sudut nilai keagamaan golongan kelas menengah. Hasil kajian yang diperoleh turut dilihat berbeza ekoran daripada tajuk dan skop kajian yang berbeza. Secara kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa penghayatan terhadap agama dan kefahaman toleransi beragama perlu diberikan penekanan agar ia dapat memberi lebih pengaruh pada sikap, seterusnya dapat dizahirkan melalui amalan seharian dan cara pemikiran masyarakat.

Kelas Menengah dan Perubahan Gaya Hidup

Kajian awal mengenai kelas menengah di Malaysia banyak menumpukan perhatian kepada persoalan kedudukan sosial dan perubahan gaya hidup. Beberapa kajian telah dijalankan mengenai kelas menengah dan perubahan gaya hidup golongan ini. Nordin (1976) antara sarjana terawal yang mempeloporinya. Kajian ini memfokuskan kepada kemunculan kelas menengah dalam kalangan pentadbir dan perkembangan gaya hidup mereka. Syed Husin (1964) juga telah melaksanakan kajian yang bertujuan untuk memahami bagaimana stratifikasi sosial berfungsi dalam masyarakat Melayu di sebuah kawasan luar bandar. Syed Husin meneliti isu-isu berkaitan dengan kelas sosial, status, konflik, dan mobiliti sosial dalam komuniti tersebut. Nordin (1976) mengaitkan kemunculan golongan ini dengan kejayaan British menguasai Tanah Melayu selepas Revolusi Perindustrian di Eropah. Menurut Nordin, pengawai-pegawai British yang memerintah Tanah Melayu pada masa itu terdiri daripada golongan kelas menengah Eropah yang turut mempengaruhi gaya hidup kelas menengah pentadbir di Tanah Melayu. Kelas menengah pentadbir pada zaman itu dilihat mengamalkan gaya hidup yang berbeza dengan masyarakat Melayu yang lain, dengan kegemaran membaca majalah berbahasa Inggeris seperti *Times*, *Far Eastern Economic Review* dan *Reader's Digest*. Mereka juga gemar melancong ke luar negara dan bermain golf serta tenis. Kelas menengah pentadbir ini lahir daripada sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh British melalui *Malay College* Kuala Kangsar (MCKK), yang memberi kesan besar terhadap perkembangan kelas menengah di Malaysia.

Soon (2022) pula telah menyelidik tingkah laku perbelanjaan kelas menengah di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk memahami sama ada kelas menengah ini meniru atau mengasingkan diri dari tingkah laku belanja golongan atas. Dapatan kajian ini memberikan gambaran yang lebih jelas tentang corak perbelanjaan kelas menengah Malaysia, yang dapat memberi pandangan yang berguna bagi dasar ekonomi dan sosial negara. Manakala Mohd Adnan (2019) telah membincangkan persepsi dan pengaruh jenama global terhadap nilai budaya kelas menengah Malaysia. Kajian ini mendedahkan bagaimana globalisasi dan penyebaran jenama global telah mempengaruhi nilai-nilai budaya kelas menengah di Malaysia. Melalui analisis ini, penulis menyelidik sejauh mana pengaruh jenama global seperti makanan segera, fesyen dan gaya hidup moden telah mengubah landskap budaya kelas menengah Malaysia. Kajian ini memberi kesedaran tentang bagaimana kelas menengah di Malaysia mengadaptasi dan mengintegrasikan elemen-elemen budaya global ke dalam identiti budaya tempatan mereka.

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan oleh sarjana peringkat antarabangsa yang relevan dengan topik ini. Sebagai contoh, kajian Mello & De Paula (2020) mengkaji peranan kelas menengah dalam komsumerisme sebagai gaya hidup. Kajian ini menyelidik impak kelas menengah terhadap kehidupan ekonomi dan sosial, dengan fokus khusus pada konteks konsumerisme dalam masyarakat global. Kajian ini menyelidik impak kelas menengah terhadap kehidupan ekonomi dan sosial, dengan fokus khusus pada konteks konsumerisme dalam masyarakat global. Pada masa yang sama, melihat pengaruh kelas menengah terhadap trend konsumerisme serta kesan yang ditimbulkan terhadap ekonomi dan budaya.

Dalam kajian lain, Weinberger et al. (2017) turut membincangkan cara golongan kelas menengah menghadapi transisi ke dewasa melalui gaya hidup konsumerisme yang menggambarkan masa depan. Kajian ini menyentuh pengalaman kelas menengah dalam melalui transisi tersebut dalam konteks perubahan ekonomi dan sosial yang dinamik. Hasil kajian menunjukkan bahawa kelas menengah menggunakan pembelian dan penggunaan bahan konsumer sebagai strategi untuk membentuk dan membayangkan masa depan yang diinginkan. Mereka melihat konsumerisme bukan hanya sebagai cara untuk memenuhi keperluan harian, tetapi juga sebagai cara untuk membina identiti, mencapai matlamat, dan merancang masa depan yang lebih baik. Kajian ini memberi fokus kepada pengalaman golongan kelas menengah muda dalam menavigasi perubahan sosial dan ekonomi serta menggunakan konsumerisme sebagai satu bentuk tindakan yang mencerminkan harapan mereka terhadap masa depan yang lebih baik.

Melalui kajian Dey (2015) di India mendapati bahawa golongan menengah mengalami transformasi dalam gaya hidup dan nilai-nilai konsumerisme, iaitu mereka semakin cenderung untuk mengekspresikan status sosial dan pencapaian melalui pembelian barangan dan perkhidmatan. Kajian ini memberi gambaran yang mendalam tentang bagaimana konsumerisme memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti dan kehidupan sosial golongan kelas menengah di India. Kajian-kajian pada peringkat antarabangsa ini menunjukkan persamaan dengan perkara yang berlaku di Malaysia, bagaimana persoalan gaya hidup juga dapat dikaitkan dengan peningkatan kelas menengah dalam sesebuah masyarakat. Sehubungan itu, kelas menengah di Malaysia menjadi asas dalam perubahan gaya hidup dan konsumerisme. Mereka semakin mengadaptasi gaya hidup

Kelas Menengah dan Kestabilan Sosio Politik

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan kelas menengah dan kestabilan politik. Scott (1968) dalam kajiannya mengkaji ideologi dan pandangan politik kumpulan pentadbir untuk memahami asas-asas yang sesuai untuk perkembangan nilai demokrasi dalam sebuah negara yang baru merdeka. Walaupun kumpulan elit pentadbir ini berpendidikan Inggeris dan mengamalkan nilai-nilai Barat, mereka sebenarnya berasal dari kalangan rakyat tempatan, mencipta jurang yang besar di antara mereka dengan rakyat jelata. Johan (1989) mengkaji peranan negara, etnik dan faktor kelas menengah dalam menggalakkan perubahan demokratik dan tidak kekerasan di Malaysia. Johan menganalisis bagaimana faktor-faktor ini saling berinteraksi dan mempengaruhi proses politik di Malaysia, hubungan antara negara dan kelas menengah, serta bagaimana etnisiti memainkan peranan dalam dinamika politik negara. Kajian ini memberikan wawasan yang mendalam tentang cabaran dan peluang untuk pembangunan demokrasi yang berasaskan keamanan dan kesaksamaan di Malaysia, dengan menitikberatkan perhatian kepada kelas menengah sebagai agen perubahan dalam konteks ini.

Abdul Rahman Embong (2000) pula meneliti di luar batasan politik untuk mengkaji gaya hidup dan konsumerisme kelas menengah sebagai usaha untuk menjelaskan tingkahlaku politik dan sosial kelompok berkenaan. Selain dari itu, terdapat juga sarjana yang mengkaji tentang kebangkitan kelas menengah muslim serta peranan mereka dalam pembentukan masyarakat sivil seperti Mohammad Abu Bakar (2018) & Ahmad Sunawari (2018) telah memberi tumpuan terhadap fenomena kebangkitan semula Islam di Malaysia yang memberi kesan terhadap kelas menengah di Malaysia. Perubahan gaya hidup serta pandangan politik mereka dapat dilihat dengan jelas pada dekad ini. Peranan dalam sosio politik ini juga bersamaan seperti di India. Hal ini dapat dilihat melalui kajian oleh Awasthi (2020) yang mengkaji kerangka gaya hidup politik kelas menengah baharu di India dalam era globalisasi. Dalam kajiannya, Awasthi menganalisis bentuk kelas menengah baharu menyesuaikan gaya hidup mereka yang dipengaruhi oleh arus globalisasi serta meneroka peranan politik mereka dalam pembentukan identiti dan aspirasi dalam konteks global yang semakin terbuka. Kajian ini memberikan pemahaman yang mendalam tentang perubahan politik dan sosial yang sedang berlaku dalam kalangan kelas menengah India, serta implikasinya terhadap landskap politik tempatan dan antarabangsa.

Mohd Adnan et al. (2012) telah mengkaji penggunaan media sosial dalam kalangan golongan muda kelas menengah bandar di Malaysia melalui politik, serta potensinya untuk mengubah landskap politik negara. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan media sosial, seperti *Facebook*, *Twitter*

dan *Instagram*, semakin popular dalam kalangan golongan muda kelas menengah sebagai medium untuk menyuarakan pendapat politik, berkongsi maklumat dan menggalakkan perubahan sosial. Dapatan kajian ini memberi amaran kepada parti politik dan pemimpin politik untuk memahami dan mengambil berat tentang pengaruh media sosial terhadap pendapat dan kecenderungan politik golongan muda kelas menengah di Malaysia. Weiss (2006) memberi penekanan terhadap peranan kelas menengah terhadap perkembangan masyarakat sivil. Weiss dalam beberapa kajian beliau menjelaskan pada penghujung 1990-an masyarakat kelas menengah berjaya memperkukuhkan pembentukan masyarakat sivil dengan penglibatan mereka dalam pelbagai NGO sehingga berlaku pertembungan dengan pihak kerajaan ketika itu terutama berkaitan isu politik dan hak asasi manusia. Terdapat juga kajian yang di jalankan di negara lain yang mirip seperti berlaku di Malaysia, misalnya kajian Rocca (2017) telah memberikan tinjauan mendalam tentang peranan politik yang dimainkan oleh golongan kelas menengah. Kajian ini menggambarkan bagaimana kelas menengah sering kali menjadi agen perubahan dalam proses politik sebuah negara. Rocca menganalisis bagaimana nilai-nilai, aspirasi dan tindakan politik kelas menengah mempengaruhi landskap politik secara keseluruhan, juga mengupas hubungan antara kelas menengah dan pemerintah, serta cara di mana kelas menengah berinteraksi dengan kelas politik lainnya. Kesimpulannya, kajian ini memberikan pemahaman yang mendalam tentang bagaimana kelas menengah memainkan peranan penting dalam pembentukan dan perkembangan politik sebuah negara. Begitu juga kajian Ghanshyam (2016) membahas peranan politik yang dimainkan oleh golongan kelas menengah dalam konteks pergerakan anti-pengecualian di Gujarat, India. Kajian ini menyoroti bagaimana kelas menengah di Gujarat, terutama dalam kaitannya dengan isu-isu kontroversial seperti pengecualian, telah memainkan peranan yang signifikan dalam politik negara bagian tersebut. Ghanshyam menganalisis kelas menengah menggerakkan sokongan dan merumuskan tuntutan politik mereka, serta dampaknya terhadap dinamika politik di Gujarat. Kajian ini memberikan wawasan yang mendalam tentang peranan politik kelas menengah dalam konteks khusus Gujarat dan memberikan pemahaman yang lebih luas tentang politik kelas menengah secara umum.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian kepustakaan, iaitu analisis dokumen secara sistematik terhadap pelbagai sumber sekunder. Sumber-sumber ini termasuk buku ilmiah, artikel jurnal akademik, laporan penyelidikan, disertasi dan dokumen berkaitan dasar kerajaan, ditambah dengan sumber digital yang sah yang diperoleh daripada pangkalan data seperti Google Scholar, JSTOR, MyJurnal dan Perpustakaan Digital Universiti.

Analisis dokumen ini melibatkan proses pembacaan teliti, pengekstrakan maklumat penting, penentuan tema utama serta perbandingan antara dapatan kajian lepas yang berkaitan dengan perkembangan kelas menengah, definisi kelas menengah dan peranannya dalam konteks kestabilan politik di Malaysia serta di peringkat antarabangsa. Kajian turut mengambil kira dokumen seperti Laporan Ekonomi Malaysia, laporan Bank Dunia dan artikel ilmiah yang membincangkan peranan kelas menengah sejarah politik. Pendekatan kualitatif ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memahami secara mendalam proses pembentukan, fungsi malah pengaruh kelas menengah terhadap kestabilan politik berdasarkan penulisan dan pandangan sarjana terdahulu. Justeru, pendekatan ini memberikan ruang kepada penyelidik untuk meneliti isu ini dari pelbagai perspektif, seterusnya merumuskan pemahaman yang lebih menyeluruh dan mendalam mengenai peranan kelas menengah dalam konteks politik Malaysia.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kelas Menengah dalam Pembangunan Sosial dan Budaya

Di Malaysia, perkembangan kelas menengah berkait rapat dengan urbanisasi, pendidikan, pertumbuhan ekonomi, serta polisi ekonomi dan sosial kerajaan yang telah menggalakkan pembangunan ekonomi

dan merangkumi berbagai lapisan masyarakat (Bashar & Khan, 2013). Sejarah kelas menengah di Malaysia bermula sejak zaman penjajahan di mana golongan ini muncul sebagai hasil daripada perkembangan ekonomi dan pendidikan. Mereka memainkan peranan penting dalam pembangunan negara dengan menyumbang kepada ekonomi, sosial, dan budaya Malaysia (Rahimah, 2012). Menurut Abdul Rahman Embong (2002), terdapat tiga jenis perubahan utama yang telah memberi kesan kepada formasi dan perkembangan kelas menengah. Perubahan-perubahan tersebut adalah perubahan struktur ekonomi dan masyarakat iaitu daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi maju, perubahan struktur pekerjaan tenaga kerja iaitu daripada petani atau buruh sektor utama kepada tenaga kerja sektor sekunder dan ketiga dan perubahan kependudukan iaitu daripada masyarakat pertanian luar bandar kepada masyarakat bandar yang moden (Abdul Rahman Embong, 2002). Pada tahun 1980-an, negara sedang pesat membangun hasil daripada suntikan-suntikan modal dan insentif yang diperkenalkan oleh kerajaan. Polisi kerajaan seperti Dasar Pandang ke Timur, Pensyarikatan Malaysia dan penswastaan telah meningkatkan perindustrian serta mengembangkan sektor awam yang seterusnya menambah peluang pekerjaan terutamanya di bandar-bandar utama negara.

Pada tahun 1991 pula, dengan pembangunan yang semakin pesat, Dasar Pembangunan Negara (DPN) telah dilancarkan. DPN masih meneruskan matlamat DEB, iaitu meneruskan pembangunan yang seimbang. Namun demikian, perbezaannya ialah melalui fokus kepada penghapusan kemiskinan tegar dan mengurangkan kemiskinan relatif masyarakat Malaysia, melalui penambahan peluang pekerjaan, pertumbuhan komuniti komersil dan industri Bumiputera dan sebagainya. DPN dilancarkan dengan harapan Malaysia akan mencapai taraf negara maju pada tahun 2020 dalam semua aspek masyarakat dan kerajaan. Walau bagaimanapun, kemajuan yang dikecapi negara terbantut pada akhir 1990-an disebabkan rantau Asia (termasuklah Malaysia) dilanda krisis kewangan. Pada tahun 1997, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkurang kepada 7.3% dan terus jatuh pada 1998 kepada -7.4%, kadar yang terburuk sejak 1987. Sebelum 1997, pertumbuhan KDNK negara adalah hampir konsisten iaitu dalam lingkungan 9% hingga mencecah 10% (World Bank, 2015). Kerajaan berusaha untuk memulihkan keadaan ekonomi negara semasa krisis ekonomi tersebut melalui tiga fasa. Fasa pertama bermula dengan kawalan kewangan dan fiskal yang ketat, fasa kedua ialah dengan meningkatkan perbelanjaan sektor awam dan akhirnya fasa ketiga melalui kawalan modal (Abdul Aziz, 2011).

Usaha lain ialah melalui penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada tahun 1998. Melalui majlis ini, kerajaan telah mengambil alih syarikat-syarikat dalam negara yang bermasalah yang seterusnya cuba memastikan kehidupan rakyat tidak menjadi lebih buruk (Sity 2019). Ekonomi Malaysia kembali berkembang pada 1999 apabila peratus KDNK negara telah meningkat kepada 6.1 %. Namun tidak mencapai kestabilan dan peratus yang tinggi seperti yang pernah dilalui Malaysia pada pertengahan 1980-an dan pertengahan 1990-an. Kelas menengah masih lagi berkembang dengan pesat walaupun dijejaskan krisis kewangan dan krisis ekonomi sepanjang tempoh tersebut. Kelas menengah baharu terus meningkat kepada 25.8 peratus pada 2006 dan 27.4 peratus pada 2008 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2008). Selain daripada kemasukan baru daripada mereka yang berlatarbelakangkan kelas petani/pekerja, golongan ini juga melibatkan generasi kedua kelas menengah yang mula bekerja. Sejak itu, kelas menengah terus berkembang dan menjadi semakin berpengaruh dalam masyarakat Malaysia. Mereka tidak hanya menyumbang kepada ekonomi negara melalui pembelian barangan dan perkhidmatan, tetapi juga memainkan peranan dalam pembentukan budaya dan nilai-nilai masyarakat (Khoo, 2007).

Seiring dengan perkembangan ekonomi dan sosial negara, kelas menengah di Malaysia semakin beragam dan meluas. Mereka terdiri daripada pelbagai profesional seperti doktor, peguam, jurutera dan ahli perniagaan kecil mahupun sederhana. Kehadiran kelas menengah yang kukuh telah memberikan impak yang positif terhadap ekonomi negara, termasuk dalam pembangunan industri perkhidmatan, pelaburan dalam pendidikan dan penyumbangan kepada kelestarian alam sekitar (Soon, 2022). Selain itu, kelas menengah di Malaysia terus berkembang daripada inisiatif kerajaan untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial. Peningkatan dalam bidang pendidikan, pelaburan dalam infrastruktur dan peningkatan akses kepada pasaran global telah memberi dorongan kepada pertumbuhan kelas menengah. Hal ini mencerminkan perubahan positif dalam

struktur sosial dan ekonomi Malaysia, di mana kelas menengah semakin menjadi pendorong kepada pertumbuhan ekonomi dan kestabilan sosial (Siddiqui, 2012). Kelas menengah di Malaysia juga mengalami evolusi dalam aspek budaya dan identiti. Mereka tidak hanya mempengaruhi gaya hidup dan tren dalam masyarakat, tetapi juga menjadi agen perubahan dalam mengukuhkan nilai-nilai demokrasi, pluralisme dan kesaksamaan dalam masyarakat. Melalui sumbangan mereka dalam bidang seni, sains, pendidikan dan keusahawanan, kelas menengah telah membantu membentuk identiti Malaysia yang dinamik dan berdaya saing di peringkat global (Jomo, 2018).

Kelas Menengah dan Isu Literasi Kenegaraan

Perkembangan kelas menengah memainkan peranan penting dalam menentukan kestabilan politik sebuah negara (Agus, 2018 & Beall et al., 2005). Di Malaysia, pertumbuhan kelas menengah telah menjadi faktor yang signifikan dalam membentuk landskap politik negara. Kelas menengah cenderung mempunyai kepentingan yang berbeza dengan golongan atasan dan bawahan dalam masyarakat, yang mungkin mengakibatkan mereka menjadi agen perubahan politik (Nurliana & Roy Anthony, 2020). Mereka sering kali mendukung dasar-dasar yang mempromosikan pertumbuhan ekonomi yang mampan, keadilan sosial dan perlindungan terhadap hak individu (Weiss, 2022; Raymundo et al., 2015). Pertumbuhan kelas menengah juga mempunyai impak yang besar terhadap sistem politik negara. Mereka cenderung untuk memperjuangkan sistem politik yang lebih demokratik dan berkeadilan, dengan menuntut akauntabiliti dan transparansi dari pihak berkuasa (Zak & Feng, 2003). Selain itu, kelas menengah yang berkembang pesat juga dapat memberikan tekanan kepada kerajaan untuk melaksanakan reformasi politik yang lebih progresif. Namun, penting untuk diingat bahawa perkembangan kelas menengah tidak semestinya menjamin kestabilan politik yang berkekalan. Terdapat juga risiko bahawa pertumbuhan kelas menengah yang tidak seimbang atau tidak diimbangi dengan peningkatan keadilan sosial boleh menyebabkan ketegangan politik. Oleh itu, adalah penting bagi kerajaan untuk memastikan bahawa pertumbuhan kelas menengah disertai dengan langkah-langkah yang menjaga keadilan sosial dan mencegah ketegangan politik yang tidak diinginkan (Mannaitham, 2022).

Kelas menengah memainkan turut mempunyai peranan penting dalam proses pembentukan negara bangsa (Sity, 2019). Hal ini kerana golongan ini mereka sering menjadi penyokong utama untuk perubahan sosial dan ekonomi, serta agen utama dalam membentuk identiti kebangsaan yang inklusif. Salah satu cabaran utama dalam pembentukan bangsa Malaysia adalah sistem pendidikan yang berasingan mengikut kaum. Kelas menengah, yang biasanya mempunyai akses lebih baik kepada pendidikan berkualiti, memainkan peranan penting dalam mendesak reformasi pendidikan yang lebih inklusif. Selain itu, dari sudut politik, kelas menengah mempunyai pengaruh besar dalam politik dan boleh mempromosikan nilai-nilai universal seperti keadilan, kesaksamaan, dan kebebasan beragama. Dengan terlibat dalam gerakan masyarakat sivil dan menyokong reformasi politik yang progresif, kelas menengah dapat mempercepatkan proses pembentukan identiti kebangsaan yang inklusif. Mereka juga dapat berperanan sebagai pemimpin dalam mengarahkan dialog nasional ke arah penyatuan dan harmoni (Sity, 2019).

Peranan Kelas Menengah dalam Kestabilan Politik

Kelas menengah di Malaysia telah menyumbang kepada kestabilan politik dalam negara. Kelas menengah di Malaysia mempunyai impak yang signifikan dalam bidang politik. Mereka sering menjadi pangkalan sokongan untuk parti-parti politik tertentu dan memainkan peranan dalam penentuan dasar-dasar negara. Selain itu, kelas menengah juga sering menjadi suara untuk isu-isu sosial dan ekonomi yang berkaitan dengan keadilan, kesaksamaan dan kemajuan. Penting untuk diingat bahawa konsep kelas menengah adalah dinamik dan boleh berubah mengikut konteks sosial, ekonomi dan politik semasa. Oleh itu, definisi dan makna kelas menengah juga akan berubah seiring dengan perkembangan masyarakat dan negara. Dalam konteks Malaysia yang sedang berkembang, kelas menengah dijangka akan terus memainkan peranan penting dalam pembangunan negara dan perubahan sosial (Khoo, 2007).

Kelas menengah di Malaysia turut memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan sistem demokrasi negara. Mereka merupakan agen perubahan yang boleh menyuarakan pendapat mereka tentang isu-isu penting seperti hak asasi manusia, kebebasan bersuara dan keadilan sosial. Dengan meningkatnya kesedaran politik dalam kalangan kelas menengah, mereka turut memainkan peranan dalam mengekalkan keseimbangan kuasa antara kerajaan dan rakyat. Selain itu, kelas menengah juga menjadi enjin pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam jangka panjang. Mereka cenderung untuk melabur dalam pendidikan, kesihatan dan pembangunan insan yang akan membawa kepada peningkatan produktiviti dan inovasi dalam ekonomi. Hal ini memberi kesan positif kepada pembangunan negara dalam jangka masa panjang (Jomo, 2018).

Selain itu, kelas menengah di Malaysia juga memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti kebangsaan dan perpaduan nasional. Mereka sering menjadi jambatan antara pelbagai lapisan masyarakat dan memainkan peranan penting dalam mempromosikan nilai-nilai perpaduan, harmoni dan kesepaduan di kalangan rakyat Malaysia. Dengan mempunyai akses kepada pelbagai budaya dan nilai, kelas menengah dapat memainkan peranan yang kritikal dalam mengukuhkan asas-asas pluralisme dan toleransi dalam masyarakat Malaysia (Fischer, 2017). Kelas menengah di Malaysia juga turut berperanan dalam membentuk landskap politik negara. Mereka sering menjadi kuasa yang mempengaruhi dalam pemilihan umum dan turut terlibat dalam aktiviti politik seperti kempen kesedaran dan pengundian. Kewujudan kelas menengah yang progresif dan kritis membawa kepada peningkatan kesedaran politik dalam masyarakat, yang merupakan asas kepada demokrasi yang kukuh (Agus, 2018).

Bukan itu sahaja, golongan kelas menengah juga memainkan peranan dalam menggerakkan perubahan sosial yang positif dalam masyarakat. Mereka sering terlibat dalam pelbagai inisiatif sukarela dan aktivisme sosial untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik dan menyokong isu-isu seperti alam sekitar, hak asasi manusia dan kesaksamaan gender. Dengan komitmen mereka terhadap nilai-nilai kemasyarakatan, kelas menengah turut memainkan peranan dalam membangun masyarakat yang lebih adil dan seimbang (Khoo, 2007). Kelas menengah turut berperanan sebagai jambatan antara kerajaan dan rakyat. Mereka sering menjadi sumber kepada pendapat dan cadangan untuk memperbaiki sistem politik dan sosial negara. Dengan kesedaran politik yang tinggi dan kemahiran berkomunikasi yang baik, kelas menengah memainkan peranan yang penting dalam proses pembuatan keputusan yang lebih inklusif dan berkesan (Jomo, 2018). Di samping itu, kelas menengah juga memainkan peranan dalam memperkukuhkan sistem keadilan dan kesaksamaan dalam masyarakat. Mereka sering menjadi suara bagi isu-isu seperti hak asasi manusia, kebebasan bersuara dan kesaksamaan gender, membantu memastikan bahawa nilai-nilai demokrasi dan kemanusiaan dijunjung tinggi dalam masyarakat Malaysia (Fischer, 2017).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kelas menengah di Malaysia tidak mempunyai definisi yang tetap dan seragam, tetapi ia sering kali didefinisikan dengan beberapa ciri umum. Golongan kelas menengah ini biasanya mempunyai pendapatan yang stabil dan sederhana, memiliki akses kepada pendidikan yang baik, serta boleh menikmati taraf hidup yang selesa. Mereka juga cenderung memiliki pekerjaan yang berkaitan dengan profesional, eksekutif, atau pengurusan, serta terlibat dalam sektor perkhidmatan dan profesional. Selain itu, golongan kelas menengah ini juga berperanan dalam masyarakat sebagai pendorong ekonomi dan inovasi, serta mempunyai pengaruh politik yang signifikan. Namun, definisi kelas menengah ini boleh berbeza-beza bergantung kepada konteks sosial, ekonomi dan politik sesuatu negara. Perkembangan kelas menengah di Malaysia telah membawa impak yang signifikan terhadap ekonomi, sosial dan politik negara. Golongan ini telah menjadi pendorong utama dalam pertumbuhan ekonomi, menyumbang kepada kestabilan sosial dan membentuk landskap politik negara. Oleh itu, pertumbuhan yang pesat dan pengaruh yang semakin meningkat, kelas menengah kini menjadi satu daripada perkara penting dalam pembangunan negara. Peranan kelas menengah ini kian berkembang

yang dahulunya hanya memfokuskan mengenai gaya hidup mereka sahaja, namun kini golongan ini banyak memberikan peranan yang besar dalam menjamin kestabilan politik dalam negara.

Berdasarkan hasil kajian, perkembangan kelas menengah memberikan impak yang signifikan dalam membentuk landskap politik negara, terutamanya dalam memperjuangkan nilai-nilai demokrasi, keadilan sosial dan akauntabiliti kerajaan. Kelas menengah yang terlibat aktif dalam arena politik juga berupaya memberi tekanan kepada kerajaan untuk melaksanakan reformasi politik yang lebih progresif. Walau bagaimanapun, kestabilan politik tidak semata-mata bergantung kepada pertumbuhan kelas menengah, bahkan faktor-faktor lain seperti perpaduan kaum, keadaan ekonomi dan keselamatan nasional yang turut mempengaruhi kestabilan politik. Justeru itu, kestabilan politik memerlukan usaha bersama dari semua lapisan masyarakat dan pihak berkuasa untuk memastikan keamanan sekaligus kemakmuran negara yang berterusan.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental FRGS/1/2022/SS08/UPSI/02/03) (Kod: 2022-0726-106-02) dan disokong oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Aziz, A. (2011). *Krisis Ekonomi Malaysia: Punca, Implikasi dan Langkah Penyelesaian*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdul Rahman, E. (2000). *Perindustrian, peranan pemerintah dan pembentukan kelas menengah”, dalam negara, pasaran dan pemodenan Malaysia, Bangi*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman, E. (2002). *State-Led modernization and the new middle class in Malaysia*. Basingstoke:
- Abdul Rahman, E. (2016). *The noisy right and the not-so-silent moderates: Democracy and All That in Malaysia*.
- Agus Darmaji. (2018). *Kelas Menengah Santri Dan Proses Demokratisasi di Indonesia*. *Jurnal Kajian Agama dan Filsafat*, 17(1).
- Ahmad Sunarwi, L. (2018). *Kebangkitan semula islam hingga Pasca Islamisme*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia. Penerbit UKM.
- Allawati, K. (2014). *Penglibatan kelas menengah melayu di malaysia dalam bidang ekonomi dan peminggiran ekstremisme: Kajian tinjauan di Lembah Klang*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Awasthi, M. (2020). *Framing India’s new middle class politics of lifestyle in the globalisation era*. Routledge India.
- Azalina, T. (2012). *Isu-isu wanita menurut fahaman islam liberal dan implikasinya terhadap pemikiran golongan wanita islam kelas menengah di Lembah Klang*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Bashar, O. K.M.R. & Khan, H. (2013). *Economic policy implications for socio-economic development in a fast-growing economy: The case of Malaysia*. *International Journal of Trade and Global Markets*, 6 (1).
- Beall, J., Gelb, S. & Hassim, S. (2005). *Fragile stability: state and society in democratic South Africa*. *Journal of South African Studies*, 31 (4), 681-700.
- Chakrabarti, P. (2011, September 1-4). *What is driving the indian middle class towards electoral politics? Evidence from Delhi*. American Political Science Association Annual Meeting, Seattle, WA, United States.
- Dey, S. (2015). *Middle class consumerism in India: an introspective study*. *Indian Journal of Applied Research*, 5(8), 533-536.
- Diehl, C. (1923). *The life and work of Max Weber*. *The Quarterly Journal of Economics*, 38(1), 87-87.

- Fischer, J. (2017). Middle-class projects in modern Malaysia. *Journal Asian Anthropology*, 16(1), 54-69
- Ghanshyam, S. (2016). Middle class politics: case of anti-reservation agitations in Gujarat. *Journal Economic and Political*, 22, 19-21.
- Hairol Anuar, M. D., Zakaria, S., & Ahmad Munawar, I. (2016). Memposisi nilai dalam kerangka demokrasi di Malaysia: Satu kajian tinjauan. *E-Journal of Hoslitic Student Development*, 1(1), 55-61.
- Hendriwani, S. (2020). Teori Kelas Sosial dan Marxisme Karl Marx. Paradigma: *Jurnal Kalam dan Filsafat*, 2(1), 13-28.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2008). Pendapatan Isi Rumah Mengikut Kelas dalam Masyarakat Tahun 2008.
- Johan, S. (1989). Kelas menengah dalam politik Malaysia: Tonjolan perkauman atau kepentingan kelas. *Kajian Malaysia*, 7 (1&2), 106-126.
- Jomo, K. S. (1986). *A Question of Class: Capital, the State, and Uneven Development in Malaya*. Singapore: Oxford University Press.
- Jomo, K. S. (2018). *The New Economic Policy and Interethnic Relations in Malaysia*. New York. Palgrave Macmillan.
- Jomo, K.S, (1999). "A Malaysian Middle Class: Some Preliminary Analytical Considerations," review in Jomo K. S (Ed), *Rethinking Malaysia*, Hong Kong, Asia 2000 Ltd
- Kamal Salih, T. S. D. D. (2016). *Understanding Malaysian middle class: Income and consumption patterns, Selangor*. University of Malaya Press.
- Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Laporan survei pendapatan isi rumah*.
- Khoo, K. J. (2007). *Transformasi ekonomi, kumpulan sosial dan politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Kochhar, R., & Sechopoulos, S. (2022). *How the American middle class has changed in the past five decades*, Pew Research Center United States of America.
- Krisna, K., & Wongkaren, S. T. (2018). The middle class is us: Measuring Indonesian middle class. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research (ASSEHR)*, 126, 85-89.
- Kuznetsova, V. N. & Tupitsyn, Y. A. (2014). Middle Class: The socio-economic stabilizer of the country development. *Asian Social Science*, 10(17), 278-284.
- Mannaitham, W. (2022). *Middle class and democratization under capital and land inequality: A theoretical approach*. Faculty of Economics, Chulalongkorn University.
- Mashitah, S. (2016). *Islamic resurgence and religiosity among the malay middle and low income classes in Selangor and Kuala Lumpur, 1977-2014*. PhD thesis. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Mello, L. F. de & De, Paula, S. A. (2020). Middle-Class consumers and consumerism as a lifestyle. *Encyclopedia of the UN Sustainable Development Goals*.
- Mohammad Abu Bakar. (2018). *Penghayatan sebuah ideal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Mohd Adnan, H., Melia, M., Norafidah, A. K., & Norzaidi, M. D. (2012). Investigating the use of social media among the young urban middle class in Malaysian politics, and its potential role in hanging the nation's political landscape. *Advances in Natural and Applied Science*, 6(8), 1245-1251.
- Mohd Adnan, H. (2019). *The perception and influence of global brands on the cultural values of Malaysia's middle class*. Loughborough University.
- Muhammad Kambali. (2020). Pemikiran Karl Marx Tentang struktur masyarakat: dialektika infrastruktur dan suprastruktur. *Jurnal Pemikiran dan Penelitian Ekonomi Islam*, 8(2), 63-80.
- Norazlan Hadi Y. (2018). "Kebangkitan Semula Islam di Malaysia", dalam Mohammad Redzuan Othman. (ed) *Islam Dan Masyarakat Melayu Di Malaysia: Sejarah dan Perkembangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Norazlan Hadi, Y., & Rohana, S. (2018). Intelektual awam di Malaysia: Pemikiran dan sumbangan Rustam A. Sani (1944-2008). *Jurnal Perspektif, Special Issue*, 10(3), 1-19.
- Nordin S. (1976). *Kelas menengah pentadbir Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu.
- Nurliana, K., & Roy Anthony, R. (2020). Malaysia's Democratic and Political transformation. *Asian Affairs (UK)*, 47(2), 126-148. Palgrave Macmillan.

- Rahimah, A. A. (2012). New economic policy and the Malaysian multiethnic middle class. *Asian Ethnicity*, 13(1), 29-46.
- Raymundo, M. J. M., Gaspar, R. E., & Alber, J. R. (2015). Why We Should Pay Attention to the Middle Class. *Research Papers in Economics*
- Rocca, J. L. (2017). Middle class politics. *In the making of the Chinese middle class*. (171-226). Palgrave Macmillan.
- Ruhaizah, A. G. (2019). *Kefahaman agama dan kesannya terhadap sikap dan amalan toleransi beragama dalam kalangan kelas menengah di Selangor*. Universiti Malaya.
- Scott, J. C. (1968). *Political ideology in Malaysia: Reality and the beliefs of an elite*. New Haven: Yale University Press.
- Shamsul Amri, B. (1993). *Masyarakat Melayu dan Alam Sosialnya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siddiqui, K. (2012). Malaysia's Socio-Economic Transformation In Historical Perspective. *International Journal of Business and General Management*, 1(2), 21-50.
- Sity, D., & Norrizan, A. M. (2019). Challenges of Nation-building and the formation of Bangsa Malaysia. *Journal Southeast Asian Social Science*, 4(1), 30-47.
- Soon, J. J. (2022). "Quantile analysis of the aspirational middle class In Malaysia: Spending behaviour emulation dissociation?". *International Journal of Social Economics*, 49(7), 993-1008.
- Syed Husin, A. (1964). *Social stratification in Kampong Bagan: A study of class, status, conflict and mobility in a rural Malay community*. Malaysia Printers Limited
- Terence, C. (2005). The construction of the Malaysian Malay middle class: The histories, intricacies and futures of the Melayu Baru. *Journal Social Identities*, 11(6), 573-587.
- Thomas, J. (1998). Max Weber's estate: Reflections on Wilhelm Hennis's Max Webers Wissenschaft vom Menschen. *History of the Human Sciences*, 11(2), 121-128.
- Wan Kamal, M. & Allawati, K. (2012). Muslim Kelas Menengah di Malaysia: Definisi Serta Sumbangan dalam Bidang Ekonomi dan Politik. *Journal of Al-Tamaddun*, 7(2), 1-39
- Weinberger, M. F., Zavisca, J. R., & Silva, J. M. (2017). Consuming for an imagined future: Middle-Class consumer lifestyle and exploratory experiences in the transition to adulthood. *Journal of Consumer Research*, 44(2), 332-360.
- Weiss, H. (2022). Afterword: The middle class and the capitalist state. *Critique of Anthropology*, 42(4), 477-480.
- Weiss, M. L. (2006). *Protest and possibilities: Civil society and coalitions for political change in Malaysia*. Stanford University Press.
- Wihardja, M. M., & Cunningham, W. (2021). Pathways to middle-class jobs in Indonesia. World Bank Publications- Reports 35848, The World Bank Group.
- World Bank. (2015). *Middle class*. <http://www.worldbank.org>.
- Yap Beng, L. (1989). *Stratifikasi sosial dan masyarakat Melayu*. Dlm. *Masyarakat Melayu: struktur, organisasi dan manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka
- Yusfida Ayu, A., Nor Baizura, J., Hamizah, Y., Marlyana Azyyati, M., & Zulkifli, A. Z. (2021). *Affordable housing for the middle-income group in Malaysia*. IOP Conference Series: Earth and Environmental Science, 685, 01201.
- Zak, P J., & Feng, Y. (2003). A dynamic theory of the transition to democracy. *Journal of Economic BehavioOrganization*, 52 (1), 1-25.